



***PENGGUNAAN LARAS BAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB
KOMUNIKASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BERDASARKAN
PENDEKATAN KOMUNIKATIF***

IBRAHIM BIN ABDULLAH

FBMK 2020 13



**PENGGUNAAN LARAS BAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB
KOMUNIKASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BERDASARKAN
PENDEKATAN KOMUNIKATIF**

Oleh

IBRAHIM BIN ABDULLAH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGGUNAAN LARAS BAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB
KOMUNIKASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BERDASARKAN
PENDEKATAN KOMUNIKATIF**

Oleh

IBRAHIM BIN ABDULLAH

Disember 2019

Pengerusi : Profesor Madya Ab Halim Muhamad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan laras bahasa komunikatif dalam buku teks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dapat melahirkan pelajar yang mampu mencapai kompetensi komunikatif. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, pelajar dan guru selalu menjadikan buku teks sebagai rujukan utama. Kajian menunjukkan buku teks komunikatif yang bersesuaian dengan konteks pelajar, menggunakan laras bahasa komunikatif yang sesuai boleh meningkatkan kompetensi komunikatif. Walau bagaimanapun, peranan buku teks sebagai sumber rujukan utama boleh terjejas akibat kandungan yang tidak bercirikan komunikatif, termasuk laras bahasa yang tidak disajikan dengan baik. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk (i) mengenal pasti kesesuaian tajuk dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif, (ii) menjelaskan ciri kosa kata Arab dalam buku teks BAK UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif, serta (iii) menganalisis ciri uslub bahasa dalam buku teks BAK UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif. Teori kajian laras bahasa Ure & Ellis (1977), digunakan untuk melihat aspek laras kosa kata, laras ayat dan laras ketenunan dalam buku teks yang dikaji. Manakala teori pendekatan komunikatif Tu'aymah (2001) digunakan sebagai teori asas dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data diperoleh melalui kaedah temu bual dan disokong oleh data daripada kaedah tinjauan serta analisis kandungan. Seramai lapan (8) orang pensyarah pakar Bahasa Arab dari IPTA di Malaysia telah ditemu bual, manakala 47 orang yang lain telah menjawab soal selidik yang disediakan. Analisis kandungan pula dilakukan ke atas buku teks UiTM bagi mengetahui kekerapan, frekuensi dan peratusan laras uslub dan kosa kata yang digunakan. Data temu bual ditranskrip dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian Atlas.ti versi 8. Data soal selidik pensyarah dan analisis kandungan yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Hasil temu bual menunjukkan tajuk komunikasi dalam buku teks UiTM sewajarnya berkisar tentang aktiviti seharian pelajar yang selari dengan konteks sosial mereka, seperti pelancongan,

perkelahan dan bersukan. Ia juga harus diaplikasikan dari aspek budaya dan kehidupan sosial masyarakat Malaysia dan Arab seperti makanan, permainan, pakaian dan perkahwinan. Walaupun majoriti (87%) responden menyatakan teks kajian menggunakan kosa kata dan istilah yang sesuai untuk tujuan komunikasi, kajian mendapati responden (83%) berpendapat kosa kata yang digunakan tidak bersifat berulang (*tikrār*), tidak bersifat mudah (70%), serta tidak berdasarkan konteks dan keperluan pelajar (94%). Dapatan kajian juga menunjukkan responden berpendapat bahasa laras yang digunakan dalam teks kajian tidak sesuai dengan konteks sosial pelajar (70%), tidak berkesinambungan di antara unit (92%), serta laras dan uslub yang digunakan dalam teks kajian agak sukar untuk dipelajari (75%). Majoriti (89.4%) berpendapat laras dalam buku teks UiTM tidak boleh dikembangkan mengikut bidang kerjaya pelajar. Dapatan juga menunjukkan bentuk *uslūb istifhām*, *jumlat ismiyyat* dan *jumlat fi'liyyat* tergolong dalam laras komunikasi yang mudah dikuasai oleh pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa laras bahasa komunikatif dalam buku teks BAK tidak menepati ciri laras bahasa komunikatif kerana ia tidak mengambil kira aspek konteks, sosial dan budaya pelajar. Laras bahasa komunikasi seharusnya bersifat mudah, pendek, jelas, berdasarkan kepada perbualan seharian, hampir menyamai bahasa ibunda, bervariasi dan berkesinambungan. Pemilihan ciri uslub dan laras bahasa pula hendaklah berdasarkan kepada kerjaya pelajar di masa depan bagi tujuan meningkatkan motivasi dan minat.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE APPLICATION OF LANGUAGE REGISTER IN UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA'S COMMUNICATIVE ARABIC TEXTBOOK USING
COMMUNICATIVE APPROACH**

By

IBRAHIM ABDULLAH

December 2019

Chairman : Associate Professor Ab Halim Muhamad, PhD
Faculty : Modern Languages and Communications

The use of communicative language registers in teaching and learning Arabic Communication textbooks can produce students that are able to achieve communicative competence. In teaching and learning Arabic, students and teachers use textbooks as their primary references. Studies have shown that using textbooks with contents that are relatable to the learner's context and appropriate communicative language registers can improve communicative competence. However, the role of textbook as the primary source of reference can be jeopardized due to non-communicative contents as well as language registers and contents that are not according to learners' context. This study aims to (i) identify the suitability of the topics presented in UiTM's Communicative Arabic Language (CAL) textbook using the communicative approach, (ii) explain the Arabic vocabulary features of the CAL textbook based on the communicative approach, and (iii) analyse the language method (*uslub*) features in the CAL textbook based on the communicative approach. The language register theory (Ure & Ellis, 1977) is used in this study in identifying the aspects of the communicative language register ranges in the forms of vocabulary, sentence, as well as cross-cultural cohesion in the studied text. The communicative approach theory by Tu'aymah (2001) is used as the main reference for teaching Arabic communication. A qualitative approach using the interview method which is supported by the content analysis and simple quantitative data were used in this study. Interviews with 8 eight Arabic language experts from Malaysian public universities were conducted. To gain a better understanding of the issue, 47 Arabic lecturers answered the questionnaire provided. Content analysis was also performed on textbooks to ascertain the frequency and percentages of the language registers and *uslub* used. The interview was transcribed verbatim and analyzed using thematic analysis in AtlasTi. Descriptive analysis was obtained from the questionnaire and content analysis. The result of the interview with the experts suggests that topics that should be included in the UiTM communicative language

learning text should revolve around their daily activities and social contexts. Topics such as tourism, picnic, and sports are recommended. Furthermore, the text should also include topics that are applicable to the cultural and social aspects of both local and Arab community such as food, games, clothing, and marriage. Although the majority (87%) of the respondents stated that the text of the study used vocabulary and terms that are appropriate for communication purposes, the respondents believe that the vocabulary used in the text was non-repetitive (83%), not easy (70%), and not based on students' context and needs (94%). Furthermore, respondents feel that the language used in the textbook does not fit into the social context of the students (70%), with no continuity between the units (92%), and the language register and *uslub* used in the textbook were neither hard nor easy to learn (75 %). Majority of the respondents (89.4%) felt that the textbook content was not developed according to the student's career path. The findings also showed that language registers in the forms of *uslub istifhām*, *jumlat ismiyyat* and *jumlat fi'liyyat* are easier for the students. The findings of this study suggest the communicative language registers used in the CAL textbooks does not meet the characteristics of communicative language as it failed to incorporate learners' social and cultural contexts in the text. The language register used should also be simple, short, clear, based on everyday conversations, similar to learner's native language, varied, with continuity between units or chapters. The choice of *uslub* and language register should be based on learners' career paths to increase motivation and interest.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan sebaiknya. Kajian ini amat bererti kepada saya lantaran pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi sepanjang menyiapkannya.

Dengan rasa rendah diri dan penuh keikhlasan yang amat mendalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelia Tesis yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Ab Halim Muhamad dan bersama beliau Prof. Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar, Prof. Madya Dr. Abd Rauf Hassan dan Prof. Madya Dr. Janudin Sardi selaku barisan penyelia yang banyak memberi komitmen dalam merealisasikan tesis ini. Kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis Prof. Madya Dr. Zamri Arifin, dan ucapan terima kasih yang khusus buat Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Dr. Nik Farhan Mustapha dan Dr. Wan Muhammad Wan Sulong atas komentar yang amat berguna. Semoga setiap teguran, perbincangan, semangat dan tunjuk ajar yang kalian curahkan tersebut mendapat ganjaran sewajarnya daripada Allah S.W.T.

Penghargaan istimewa kepada ibuku Wan Jeleha Megat Yahaya, yang sentiasa mendoakan anak ini dengan kejayaan, serta buat semua saudaraku yang amat memahami dan sentiasa berada di samping ketika senang dan susah. Ya Allah, sekiranya ada pahala atas usaha ini, maka pahalanya aku sedekahkan kepada kedua orang tuaku. Untuk Dr. Nadia Hanin Nazlan, terima kasih atas segala nasihat dan kata-kata perangsang, yang telah menjadi kekuatan serta pendorong untuk terus berusaha bersungguh-sungguh sehingga terhasilnya kajian ini. Tesis ini juga, sebagai titipan bukti buat semua anak-anak baba yang tersayang. Sesungguhnya, usia bukan penghalang untuk menuntut ilmu dan berjaya dalam pelajaran, kerana dengan keazaman, doa, tekad, usaha yang gigih, nescaya Allah akan tunaikan impian kita semua. Semoga Allah memberi kejayaan kepada kita semua di dunia dan akhirat.

Akhir sekali, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA dan rakan-rakan di IPTA yang lain, kerana sama-sama membantu dan memberi dorongan sama ada secara langsung atau tidak dalam menayakan kajian ini. Apa pun kaitan anda dengan usaha ini walau sekecil mana pun tetap di kira budi dan jasa yang tidak ternilai dan akan diingati ke akhir hayat.

IBRAHIM BIN ABDULLAH
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam. Selangor.
10 May 2020 (17 Ramadan 1441 H)

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab Halim Muhamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Azidan Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Abd Rauf Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Ahli)

Janudin Sardi, PhD

Profesor Madya
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 16 Julai 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Ibrahim bin Abdullah (GS35632)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ab Halim Muhamad

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Abd Rauf Hassan

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Janudin Sardi

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK		i
ABSTRACT		iii
PENGHARGAAN		v
PENGESAHAN		vi
PERAKUAN		viii
SENARAI JADUAL		xiv
SENARAI RAJAH		xvi
JADUAL TRANSLITERASI		xvii
SENARAI SINGKATAN		xviii
BAB		
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Batasan Kajian	7
	1.7 Definisi Operasional	8
	1.7.1 Laras Bahasa (LB)	8
	1.7.2 Uslub	9
	1.7.3 Bahasa Arab Komunikasi (BAK)	9
	1.7.4 Pendekatan Komunikatif (PK)	9
	1.7.5 Kompetensi Komunikatif (KK)	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
	2.1 Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa	11
	2.1.1 Pendekatan	14
	2.1.2 Kaedah (Metode)	14
	2.1.3 Teknik	15
	2.2 Bahan Pengajaran Pendekatan Komunikatif dalam Penyelidikan Lampau	16
	2.3 Tujuan Pendekatan Komunikatif	18
	2.3.1 Tujuan Penguasaan Kemahiran Mendengar dalam Pengajaran BAK	19
	2.3.2 Tujuan Penguasaan Kemahiran Bertutur dalam Pengajaran BAK	20
	2.3.3 Tujuan Pengajaran Kemahiran Membaca dalam Pengajaran BAK	21
	2.3.4 Tujuan Penguasaan Kemahiran Menulis dalam Pengajaran BAK	22
	2.4 Ciri-ciri dan Prinsip Pendekatan Komunikatif	23
	2.4.1 Ciri-ciri Pendekatan Komunikatif	23
	2.4.2 Prinsip Pendekatan Komunikatif	24

2.5	Kemahiran Bahasa Komunikatif dan Penyediaan Bahan dalam Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi	26
2.5.1	Kemahiran Mendengar dalam Buku Teks Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	26
2.5.2	Kemahiran Bertutur dalam Buku Teks Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	27
2.5.3	Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	28
2.5.4	Kemahiran Menulis dalam Buku Teks Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	28
2.6	Laras Bahasa Komunikatif	29
2.6.1	Definisi	29
2.6.2	Pendekatan Kajian dalam Laras Bahasa	33
2.6.2.1	Kajian Laras oleh Halliday (1968)	33
2.6.2.2	Kajian Laras oleh Ure & Ellis (1977)	34
2.6.2.3	Kajian Laras oleh Leech & Short (1981)	36
2.6.3	Aspek Tatabahasa Asas dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	37
2.6.4	Tajuk Perbualan Berdasarkan Kepada Tempat Komunikasi	37
2.6.5	Elemen Budaya dan Laras Bahasa	38
2.7	Bahan Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi	39
2.7.1	Pemilihan Bahan untuk Aktiviti Komunikatif	39
2.7.2	Isi Kandungan Bahan Pengajaran Komunikatif	40
2.7.3	Prinsip Penyusunan Bahan Pembelajaran Komunikatif	41
2.7.4	Teknik Penyusunan Bahan Pembelajaran Komunikatif	42
2.7.4.1	Susunan Struktural	42
2.7.4.2	Susunan Fungsian	42
2.7.4.3	Susunan Nasional	42
2.7.4.4	Susunan Berdasarkan Tajuk	42
2.8	Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di UiTM	43
2.8.1	Penawaran Kursus Bahasa Arab Komunikasi di UiTM	43
2.8.1.1	Kursus Wajib	43
2.8.1.2	Kursus Elektif	44
2.8.2	Tahap Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di UiTM	44
2.8.2.1	Permulaan Kod Kursus TAC401 bagi BAK UiTM	44
2.8.2.2	Tahap Pertengahan Kod Kursus TAC451 bagi BAK UiTM	45
2.8.2.3	Tahap Akhir Kod Kursus TAC501 bagi BAK UiTM	46
2.8.2.4	Objektif Penyediaan Bahan Pengajaran	47
2.8.3	Penilaian Berterusan Bahasa Arab Komunikasi di UiTM	48
2.9	Kelebihan dan Kelemahan Pendekatan Komunikatif	49

2.9.1	Kelebihan Pendekatan Komunikatif	49
2.9.2	Kelemahan Pendekatan Komunikatif di Malaysia	50
2.10	Kesimpulan	51
3	METODOLOGI KAJIAN	52
3.1	Kerangka Konsepsi Kajian	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Konsep dan Teori Kajian	56
3.4	Kaedah Kajian	56
3.5	Responden Kajian	57
3.6	Tempat Kajian	58
3.7	Kajian Rintis	59
3.8	Analisis Kandungan	59
3.9	Kaedah Tinjauan	60
3.9.1	Responden Kaedah Tinjauan	60
3.9.2	Instrumen Kajian	63
3.9.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	65
3.9.3.1	Pengesahan Pakar Bahasa	66
3.9.3.2	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Pensyarah.	66
3.9.3.3	Kebolehpercayaan Pembantu Penilaian	67
3.9.3.4	Analisis Kepercayaan (Reliability Analysis)	67
3.9.3.5	Analisis Kenormalan (Normality Analysis)	68
3.9.3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kaedah Pemarkahan	68
3.10	Kaedah Temu bual	68
3.10.1	Item Temu bual Pakar	69
3.10.2	Kriteria Pakar	71
3.10.3	Keabsahan Data Temu bual	73
3.11	Tatacara Penganalisan Data	73
3.11.1	Tatacara Penganalisan Temu bual pakar	73
3.11.2	Tatacara Penganalisan Soal Selidik Pensyarah	74
3.11.3	Tatacara Penganalisan Analisis Kandungan	75
3.12	Kesimpulan	75
4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	76
4.1	Analisis Kesesuaian Tajuk dalam Buku Teks BAK UiTM	76
4.1.1	Analisis Temu Bual Pakar	76
4.1.2	Analisis Soal Selidik Pensyarah Berkaitan dengan Ciri Tajuk Komunikatif dalam Buku Teks UiTM Berdasarkan Pendekatan Komunikatif.	84
4.2	Analisis Ciri Kosa Kata Komunikatif dalam Buku Teks UiTM	90
4.2.1	Analisis Temu Bual Tentang Aspek Kosa Kata	90
4.2.2	Analisis Soal Selidik Pensyarah Tentang Ciri Kosa Kata Arab dalam Buku Teks UiTM.	98
4.3	Analisis Uslub Buku Teks UiTM	104

4.3.1	Analisis Deskriptif Frekuensi Penggunaan Uslub dalam Buku Teks UiTM	105
4.3.2	Analisis Temu Bual Pakar Mengenai Uslub Bahasa Komunikasi	107
4.3.3	Analisis Soal Selidik Pensyarah Mengenai Uslub Bahasa	111
4.4	Analisis Penggunaan Uslub dalam Buku Teks UiTM	121
4.4.1	Analisis Temu Bual Pakar Tentang Penggunaan Uslub Bahasa Komunikatif dalam Buku Teks UiTM	121
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	124
5.1	Rumusan	124
5.1.1	Kesesuaian Tajuk Komunikasi Berdasarkan Pendekatan Komunikatif	124
5.1.2	Ciri-ciri Kosa Kata Arab dalam Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM Berdasarkan Pendekatan Komunikatif	126
5.1.3	Ciri Uslub Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM Berdasarkan Pendekatan Komunikatif	128
5.2	Implikasi Kajian	131
5.3	Cadangan	132
5.3.1	Cadangan Umum	132
5.3.2	Cadangan Kajian Lanjutan	133
5.4	Penutup	134
	RUJUKAN	135
	LAMPIRAN	152
	BIODATA PELAJAR	163
	SENARAI PENERBITAN	164

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Pemarkahan Ujian Penilaian Berterusan Peringkat Asas BAK UiTM Bagi Program Ijazah	48
3.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	60
3.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	61
3.3 Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	61
3.4 Taburan Responden Mengikut Majikan	62
3.5 Taburan Responden Mengikut Pengalaman dalam PdP Bahasa Arab Komunikasi	62
3.6 Kesahan Item Cronbach's Alpha	67
3.7 Ujian Normaliti Item (<i>Tests of Normality</i>)	68
4.1 Tajuk Sesuai dengan Konteks Sosial Pelajar	85
4.2 Tajuk Membantu Aktiviti Komunikatif	85
4.3 Tajuk Menjurus kepada Aktiviti Komunikatif	86
4.4 Tajuk Menggalakkan Pelajar Berinteraksi Sesama Mereka	86
4.5 Tajuk Dapat Meningkatkan Minat Pelajar	87
4.6 Min dan Sisihan Piawaian Tajuk Komunikatif dalam Buku Teks UiTM	87
4.7 Min dan Sisihan Piawaian tajuk yang terdapat dalam buku teks UiTM	88
4.8 Perkataan dalam Buku kepada Laras Bahasa Komunikasi	98
4.9 Perkataan dalam Buku Bersifat Realistik	99
4.10 Perkataan dalam Sesuai dengan Bidang Pelajar	99
4.11 Perbendaharaan Kata Membantu Pelajar Berkomunikasi Secara Tepat dan Berkesan	100
4.12 Perkataan yang Dipilih dalam Buku Bersifat Mudah	100
4.13 Perkataan yang Dipilih dalam Buku Bersifat Meluas	101

4.14	Perkataan dalam Buku Bersifat Berulang-Ulang	101
4.15	Perkataan yang Dipilih Berdasarkan Keperluan Pelajar	102
4.16	Min dan Sisihan Piawaian Penggunaan Kosa Kata dalam Buku Teks Pengajaran	103
4.17	Frekuensi Penggunaan Uslub Komunikatif dalam Buku Teks UiTM	106
4.18	Taburan Laras Bahasa yang Bersifat Komunikasi	111
4.19	Taburan Uslub Bahasa Sesuai dengan Tahap Pelajar	112
4.20	Taburan Uslub Bahasa Sesuai dengan Konteks Sosial	112
4.21	Taburan Laras Komunikasi Dikembangkan Mengikut Bidang Kerjaya	113
4.22	Uslub Bahasa Komunikasi Mudah Dipraktikkan dalam Kehidupan Sehari-hari.	113
4.23	Uslub Sesuai Dipraktik oleh Penutur dan Pendengar	114
4.24	Uslub Menekankan Kemahiran Menjawab Pertanyaan	114
4.25	Uslub Bahasa dalam Buku Selaras dan Berkesinambungan	115
4.26	Terdapat Kepelbagaian atau Variasi Bahasa	115
4.27	Uslub Dapat Membina Kompetensi Komunikatif	116
4.28	Uslub Bahasa dalam Buku Mudah dan Senang	116
4.29	Uslub Bahasa Komunikasi yang Mudah Dapat Melatih Keyakinan Pelajar Bertutur	117
4.30	Uslub Bahasa Komunikasi yang Mudah Dapat Meningkatkan Minat dan Motivasi Pelajar	117
4.31	Laras Bahasa Disusun Mengikut Fungsi Komunikasi bagi Membantu Pelajar Bertutur	118
4.32	Min dan Sisihan Piawaian Analisis Laras Bahasa	118

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Konsepsi Kajian Direka Berdasarkan Teori Kajian Laras Bahasa Ure & Ellis (1977) dan Teori Pendekatan Komunikatif Tu'ayma (2001)	52
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
4.1 Hubungan Tajuk Berbentuk Aktiviti Pelajar dengan Laras Bahasa Komunikatif	77
4.2 Hubungan Lokasi Sebagai Tajuk Komunikatif	79
4.3 Tajuk Komunikatif Berdasarkan Konteks Sosial	81
4.4 Tajuk Komunikatif Berdasarkan Budaya	83
4.5 Kosa kata dalam Buku Teks UiTM Sesuai untuk Tujuan Komunikasi Tahap Asas	91
4.6 Ciri-ciri Penting dalam Pemilihan Kosa Kata Komunikasi	94
4.7 Pemilihan Perkataan dalam Buku Teks UiTM	96
4.8 Penggunaan Uslub dalam Buku Teks UiTM	105
4.9 Ciri Uslub Bahasa Komunikasi	107
4.10 Ciri Struktur Uslub Bahasa Komunikasi	109
4.11 Penggunaan Uslub Bahasa Arab dalam Buku Teks UiTM	122

JADUAL TRANSLITERASI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi dengan berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem transliterasi ini adalah seperti berikut:

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	ʿ
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ء	ʾ
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ṭ
ط	ṭ		

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
(ـَ)	a	اَ	ā	أَيَّ	ay
(ـِ)	i	إِي	ī	أَوَّ	aw

SENARAI SINGKATAN

BAK	Bahasa Arab Komunikasi
CLT	<i>Communicative Language Teaching</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KK	Kompetensi Komunikatif
LB	Laras Bahasa
PK	Pendekatan Komunikatif
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KUIS	Kolej Universiti Islam AntArabangsa Selangor
UIA	Universiti Islam AntArabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang tertua di dunia berbanding dengan bahasa lain yang masih digunakan hingga kini. Sebagai bahasa komunikasi antarabangsa (khususnya di Timur Tengah) yang digunakan dalam pelbagai bidang profesional, bahasa Arab ditawarkan sebagai salah satu bahasa pilihan daripada tujuh kursus bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu bahasa Korea, Italy, Jerman, Perancis, Mandarin dan Jepun. Kesemua bahasa ketiga yang wajib diambil oleh semua pelajar di UiTM diajar berdasarkan pendekatan pengajaran bahasa komunikatif (*Communicative Language Teaching* atau CLT). Pendekatan CLT atau Pendekatan Komunikatif (PK) ini sejajar dengan hasil pembelajaran (*Learning Outcomes*) bahasa Arab di UiTM iaitu:

- a. *Demonstrate social skills while interacting using the Arabic language at introductory level.*
- b. *Demonstrate the language norms while interacting using the Arabic language at introductory level.*
- c. *Demonstrate the basic ability to write, read, listen and speak Arabic language in various discourses at introductory level.*

(Course Information for UiTM's TAC401, TAC451, TAC501 updated September 2017)

Pendekatan Komunikatif (PK) dibangunkan daripada konsep kompetensi komunikatif (*communicative competence*) telah diperkenalkan oleh Hymes (1972) yang menjelaskan sekiranya tujuan pembelajaran bahasa kedua adalah penggunaan bahasa tersebut, maka kemahiran berbahasa (*language proficiency*) harus dipandu dan dinilai berdasarkan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi. Dalam keadaan naturalistik (di luar bilik darjah), komunikasi berlaku melalui pertuturan dan penulisan serta berkembang melalui pengetahuan pelajar lebih daripada satu bahasa yang lazim digunakan sewaktu berinteraksi sosial (Pratiwi Widyasari, 2018). Ini sejajar dengan matlamat utama pembelajaran bahasa ketiga, iaitu kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dengan baik dan betul dalam bahasa yang dipelajarinya (Asmah, 1984).

Konsep kompetensi komunikatif yang dibangunkan oleh Hymes (1972) adalah respon kepada konsep kompetensi linguistik (*linguistic competency*) (Chomsky, 1969) dilihat sebagai terlalu menumpukan kepada struktur bahasa lantas mengabaikan aspek budaya dalam bahasa itu sendiri. Manakala konsep kompetensi komunikatif melihat bahasa sebagai satu aspek ilmu dan medium komunikasi yang diguna pakai untuk menzahirkan pemikiran dan perasaan. Kompetensi komunikatif membolehkan penutur untuk menyata dan menafsir ayat yang digunakan dalam

komunikasi interpersonal dalam pelbagai situasi yang berbeza. Pengetahuan kontekstual ini membolehkan pelajar mahir bertutur menggunakan bahasa yang dipelajari dan bersesuaian dengan situasi sebenar (Hymes, 1972; dalam Abd Rahman, 2009).

Kemahiran komunikatif pelajar dalam menuturkan bahasa asing secara kontekstual dapat ditingkatkan, sekiranya seseorang pelajar dapat menguasai kompetensi komunikatif serta menguasai ilmu pengetahuan dan kemampuan yang mencukupi. Aktiviti pengajarannya mestilah lebih berbentuk komunikasi serta aktiviti latihan yang terarah kepada kecekapan komunikatif (Hymes, 1972).

Untuk menguasai kompetensi komunikatif dalam mana-mana bahasa yang berasaskan sosial dan komunikatif (yang menekankan aspek fungsional bahasa), maka pendidikan bahasa tidak boleh mengabaikan sistem sesuatu bahasa seperti sistem ejaan, sebutan, peristilahan, kosa kata umum, tatabahasa dan laras bahasa. Bahkan, tatabahasa amat diperlukan untuk dijadikan acuan berbahasa. Tetapi pada masa yang sama, tidak meninggalkan aliran fungsional yang sering menekankan pentingnya bahasa dalam konteks fungsi sosialnya yang merangkumi kepelbagaian bentuk bahasa seperti laras bahasa, ragam bahasa dan variasi bahasa dalam berkomunikasi (Awang Sariyan, 2016).

Dalam pendekatan komunikatif, laras bahasa (*register*) dikaitkan dengan konteks pada keadaan tertentu (*context of situation*) terutamanya dalam linguistik deskriptif. Dengan menepati konteks tertentu seperti budaya, tempat dan suasana perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran bahasa (Aijmer & Marie Simon, 2007). Aspek fungsian dan tatabahasa yang diterapkan hendaklah sentiasa berusaha untuk menepati laras-laras bahasa dalam konteks budaya, sosial, tempat dan suasana yang berbeza-beza, tanpa terikat dengan mana-mana bentuk silabus atau metodologi pengajaran (Chomsky, 1965; Hymes, 1972).

Pelbagai usaha telah dilakukan di peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi bagi mencapai tahap kompetensi yang sewajarnya dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Usaha ini jelas dilihat melalui usaha penyelidikan mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik, antaranya ialah Hamzah (1997), Ismail (1999), Ab Halim (2002), Amirudin (2003), Zamri (2014), Uraidah (2014) dan beberapa pengkaji lain. Kajian-kajian tersebut banyak membantu proses pengajaran bahasa di tanah air, kajian banyak menyentuh tentang teori dan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta aspek pendekatan, kaedah dan teknik, di samping menyingkap kekuatan dan kelemahan strategi yang sedia ada, mengenal pasti masalah dan cadangan penyelesaiannya.

Terdapat beberapa penyelidik seperti Zawiyah (2004) melihat bahawa buku teks komunikasi yang baik amat penting dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi kerana guru seringkali bergantung sepenuhnya kepada teks pengajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Buku teks yang pertama digunakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) ialah pada tahun 1985, iaitu *al-Arabiyyat li al-Nāsyi'īn*, (terbitan Universiti al-Malik Sa'ud, Saudi Arabia). Buku ini merupakan sebuah buku Bahasa Arab Komunikasi yang pertama di Malaysia pada ketika itu yang menggunakan pendekatan komunikatif. Oleh kerana, pihak pentadbiran UiTM sendiri sering menukar sukatan pelajarannya, maka, wujudlah modul-modul baharu secara drastik. Antaranya ialah Modul *al-Tawjīh* (2005), Modul *al-Misbāh* (2010), Modul *al-Munīr* (2013) bagi peringkat diploma. Manakala Modul *al-Rā'id* (2007), Modul *al-Nūr* (2010), Modul *al-Misbāh* (2013) telah digunakan bagi peringkat ijazah. Walau bagaimanapun, semua buku teks tersebut tetap tidak mengikuti ciri-ciri pendekatan komunikatif yang sebenar serta terdapat banyak kekurangannya (Ahmad Jalaluddin, 2013).

Untuk mencapai kompetensi komunikatif yang sepatutnya, pengajaran bahasa Arab di UiTM perlu mengutamakan pendekatan komunikatif dalam PdP. Pendekatan komunikatif yang melihat dari aspek linguistik yang disampaikan kepada pelajar mengikut keperluannya dan aspek fungsional juga diberi perhatian. Maksud penekanan fungsional ialah seperti laras bahasa, ragam bahasa dan variasi bahasa laras bahasa komunikatif dalam sukatan pelajaran terutamanya dalam buku teks pengajaran.

Justeru, penyelidikan terhadap bahan pengajaran Bahasa Arab Komunikatif yang menjurus kepada kompetensi komunikatif amat diperlukan, supaya konsep dan ciri komunikatif difahami sewajarnya oleh semua pengamal pendekatan komunikatif. Selain daripada itu, bahan pengajaran komunikatif masih kurang dan isi kandungannya tidak fokus kepada kompetensi komunikatif. Oleh hal yang demikian, satu kajian yang komprehensif wajar dilakukan agar:

- a. bahan pengajaran komunikatif Bahasa Arab dapat ditingkatkan kualitinya bagi tujuan membantu proses PdP bahasa Arab di Malaysia terutamanya di UiTM seiring dengan bahasa utama dunia yang lain.
- b. hasil kajian menjadi sumber rujukan khususnya dalam pembangunan buku teks pengajaran bahasa Arab komunikatif yang mengutamakan kompetensi komunikatif.

Oleh kerana kajian ini akan memfokuskan kepada ciri-ciri dan konsep komunikatif, laras bahasa komunikatif, topik yang sepatutnya dimuatkan dalam teks pengajaran, maka kajian ini diharapkan dapat menyokong proses PdP bahasa Arab di UiTM.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam usaha untuk mencapai kompetensi komunikatif dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, buku teks dianggap sebagai sumber rujukan utama bagi guru dan juga pelajar. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, pelajar dan guru kebiasaannya akan selalu menjadikan buku teks sebagai medium rujukan

utama mereka (Salahuddin & Siti Sara, 2017). Ini membuktikan buku teks merupakan salah satu faktor penting yang berfungsi secara langsung dalam menentukan tahap pencapaian kompetensi komunikatif dalam kalangan pelajar yang mempelajarinya (Kamaruddin, 1999).

Namun begitu, isu kelemahan pelajar dalam menguasai kompetensi komunikatif yang dikaitkan dengan bahan pembelajaran telah dibincangkan oleh ramai sarjana. Mansoer (1991) menjelaskan antara punca permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah wujudnya penggunaan buku teks yang kurang sesuai, di samping masalah lain juga seperti masalah sikap, minat, motivasi, ingatan, bahan rujukan tambahan, masa, kurikulum, guru dan pelajar. Lazimnya, kebanyakan buku teks yang ada, tidak mencapai objektif sukatan pelajaran dan tidak bersesuaian dengan konteks semasa. Latihan pula tidak disediakan secara rapi. Malah, laras bahasa dalam bahan pengajaran komunikatif misalnya, tidak mempunyai ciri-ciri bahan komunikasi yang sebenar, kosa kata yang dipilih juga tidak sesuai dengan kehendak pelajar dan konteks mereka. Kesannya, hasrat akhir pembelajaran dengan sendirinya terhalang dan tidak tercapai seperti yang dirancang (Mansoer,1991).

Dapatan kajian lepas di Malaysia berkaitan buku teks yang menggunakan pendekatan komunikatif menunjukkan kandungan bahan pengajaran bahasa Arab dalam buku teks tidak bercirikan komunikatif. Misalnya, teks bacaan yang dimuatkan dalam buku adalah panjang, sehingga guru banyak menghabiskan masa melakukan penterjemahan di dalam kelas. Kesannya, masa untuk melakukan aktiviti berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari menjadi terbatas (Al Muslim dan Zamri, 2015). Selain itu, terdapat juga buku teks yang dibina tidak berpusatkan pelajar, apabila tajuk serta isi kandungannya tidak selari dengan minat pelajar. Isi kandungannya pula tidak setaraf dengan tahap pemikiran mereka (Ibrahim, 2003). Masalah sebegini sudah pasti menjadi kekangan bagi mencapai objektif dalam PdP yang berorientasikan pendekatan komunikatif.

Antara masalah lain yang berkaitan dengan buku teks ialah kekurangan bahan pengajaran bahasa yang bercirikan komunikatif di pasaran. Oleh yang demikian, pentingnya bahan pengajaran bahasa Arab digandakan penerbitannya, seperti bahan pengajaran bahasa lain bagi bukan penutur jati, yang bertujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara-negara Islam. Menurut al-Al-Fawzān (2007, 66):

"يحتاج إعداد مواد لتعليم اللغة العربية لغير الناطقين بها...و نحن في حاجة إلى إعداد المزيد من مواد تعليم اللغة العربية لغير الناطقين بها، رغم في الساحة كثيرا من الكتب، ولكنها لا تحقق الأهداف"

Yang bermaksud: Penyediaan bahan-bahan adalah perlu bagi pengajaran bahasa Arab kepada bukan penutur jati, dan kita perlu menyediakan lebih banyak bahan pengajaran bahasa Arab untuk mereka, walaupun di pasaran terdapat banyak buku-buku, tetapi ianya tidak memenuhi matlamat-matlamat yang hendak dicapai.

Dalam kajian berhubung buku teks pengajaran bahasa Arab yang digunakan di UiTM pula, laras bahasa komunikatif dalam bahan tersebut didapati tidak disajikan dengan baik, sekaligus ia tidak membantu meningkatkan kemahiran lisan pelajar UiTM (Ghazali Yusri, 2012). Ini bermakna bahan pengajaran komunikatif yang dimuatkan dalam sesebuah buku teks perlu dititikberatkan agar elemen fungsian, nasional, dan budaya dapat disusun dengan baik berdasarkan tajuk yang sesuai dengan ciri-ciri komunikatif. Di samping itu, elemen ini juga boleh digabungkan bagi menonjolkan pendekatan komunikatif yang ingin diterapkan (Littlewood, 1981). Dapatan sebegini menunjukkan buku teks yang digunakan dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di UiTM perlu diperkukuh kandungannya, laras bahasanya pula perlu disusun dengan baik dan tepat agar bersesuaian dengan ciri-ciri komunikatif. Tambahan pula, semenjak kursus Bahasa Arab Komunikasi dijalankan di UiTM sehingga kini, masih belum ada sebarang kajian yang khusus dan mendalam dilakukan terhadap laras bahasa komunikatif dalam buku teks yang diguna pakai dalam pengajaran bahasa ini. Justeru, kajian ini menfokuskan kepada laras bahasa komunikatif yang digunakan dalam buku teks bahasa Arab di UiTM berhubung kesesuaian tajuk berdasarkan pendekatan komunikatif, ciri kosa kata dan juga uslub yang terdapat dalam buku tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam latar belakang dan permasalahan kajian, maka kajian ini telah menggariskan tiga objektif kajian seperti berikut:

1. Mengetahui kesesuaian tajuk dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif.
2. Menjelaskan ciri kosa kata Arab dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif.
3. Menganalisis ciri uslub bahasa dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka persoalan kajian yang boleh diketengahkan bagi menjawab objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Adakah tajuk dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM sesuai berdasarkan pendekatan komunikatif?
2. Apakah ciri kosa kata Arab dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif?
3. Bagaimanakah ciri uslub bahasa dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba untuk mengenal pasti laras bahasa komunikatif yang sesuai untuk digunakan dalam buku teks pengajaran bahasa. Seterusnya, kajian ini cuba melihat laras bahasa dari aspek ciri-ciri serta uslub bahasa dan ciri-ciri kosa kata. Seterusnya, kajian ini cuba untuk mengenal pasti tajuk yang sesuai dalam buku teks pengajaran Bahasa Arab Komunikasi. Dalam kajian ini, kaedah kualitatif iaitu temu bual diharapkan dapat memerhati dan mendapatkan gambaran yang lengkap, yang sesuai dengan objektif kajian pertama, kedua dan ketiga. Maka, temu bual dilakukan untuk mengumpulkan data dari beberapa subjek kajian bagi membolehkan kefahaman yang mendalam tentang topik komunikasi, kosa kata komunikasi dan ciri uslub yang digunakan dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM. Kemudian, data yang diperolehi akan disokong oleh kaedah analisis kandungan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu melakukan analisis ciri uslub bahasa dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi UiTM berdasarkan pendekatan komunikatif. Seterusnya, kajian ini disokong juga dengan kaedah kuantitatif mudah dengan melakukan kajian tinjauan iaitu soal selidik. Ini bertujuan untuk memperoleh data dari pensyarah bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu ciri topik komunikasi, persoalan kajian kedua iaitu ciri kosa kata komunikatif dan persoalan kajian ketiga iaitu ciri uslub komunikasi. Kemudian, kesemua data tersebut dianalisis secara triangulasi.

Pendekatan komunikatif merupakan salah satu pendekatan yang diguna dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Penggunaan laras bahasa komunikatif yang terdiri dari ciri uslub dan perkataan komunikatif menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa menjadi mudah dan menarik. Oleh itu, kajian ini penting kepada beberapa pihak tertentu seperti pelajar, pengajar dan pengkaji bahan pengajaran bahasa Arab komunikatif, pihak pentadbir sekolah dan universiti, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini juga penting kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penerbitan bahan pengajaran komunikatif sama ada di Malaysia dan lain-lain.

Antara faedah PK terhadap pelajar dalam pengajaran bahasa ialah ia akan membantu meningkatkan kualiti bahan pengajaran bahasa Arab, sekaligus akan dapat memberi banyak faedah kepada mereka. Asmah (2008) berpendapat PK dapat mempercepatkan pemahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari serta berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Seterusnya dapat mempercepatkan matlamat serta tujuan yang ingin dicapai di akhir pembelajaran dalam proses PdP (Mansoer, 1991). Manakala Mishan (2005) menyatakan PK dapat meningkatkan motivasi pelajar serta minat mereka untuk belajar bahasa dengan bahan yang sesuai dengan persekitaran mereka. PK juga dapat menguasai laras bahasa komunikatif dengan baik (Ab Halim, 2013).

Seterusnya faedah PK kepada para guru pula ialah mereka dapat menyampaikan pengajaran bahasa dengan lebih berkesan, PK juga dapat meningkatkan motivasi

PdP guru untuk melakukan aktiviti, kerana bahan yang dihasilkan tersebut akan banyak mendatangkan faedah kepada mereka.

Selain itu, kajian ini akan menjadi satu usaha yang baik kepada pengkaji dan penyedia bahan pengajaran bahasa Arab komunikatif, yang mana kompetensi komunikatif menjadi asas utama kejayaan PdP, sama ada untuk bahan utama PdP atau bahan sokongan kepada pembelajaran bahasa.

Di samping itu, kajian ini diharap dapat membantu membuka minda pengkaji, penyedia penggubal, kementerian dan penerbit tentang kepentingan laras bahasa komunikasi dalam bahan bahasa Arab komunikatif, malah bahan ini dapat diaplikasikan serta tidak terlalu berat sehingga mematikan motivasi pelajar dan minat mereka untuk menghayati bahasa Arab. Seterusnya, diharap dapat membantu mengembangkan idea komunikatif dalam penyaluran ilmu pengetahuan terutamanya dalam sukatan pelajaran supaya lebih sistematik, efisien dan efektif, tanpa mengabaikan kompetensi komunikatif, dengan menjaga peningkatan motivasi dan minat. Malah, meningkatkan semangat dan kebanggaan terhadap bahasa Arab, bukan mematikan semangat sehingga pelajar pada akhir pembelajarannya (terutama peringkat PT3 dan SPM) beranggapan negatif terhadap bahasa ini dan ia susah untuk dikuasai berbanding dengan bahasa lain di dunia.

Impaknya, kajian ini diharap dapat menjadi sebahagian dari usaha untuk memartabatkan bahasa Arab ke satu tahap yang boleh dibanggakan di semua peringkat pendidikan. Hal ini sedikit sebanyak diharap akan dapat memantapkan kemampuan graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara. Mereka bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah sedia berkhidmat di peringkat global.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi MARA. Ia dipilih kerana buku teks Bahasa Arab Komunikasi yang dikaji digunakan di sini. Antara kampus yang terlibat ialah kampus Shah Alam, kampus Puncak Alam, kampus Machang, kampus Dungun, kampus Melaka dan kampus Johor. Pemilihan kampus ini berdasarkan bilangan tenaga pengajar yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di sana.

